

## BAB 2

### LATAR BELAKANG SHEIKH YĀSĪN AL-FĀDĀNĪ DARI SUDUT KAJIAN PARA SARJANA TERDAHULU DAN SEMASA

#### 2.1 Pengenalan

Sheikh Yāsīn al-Fādānī adalah seorang tokoh Ulama yang telah berjaya memberi kesan yang besar kepada para penuntut ilmu dan umat Islam sama ada pada masa beliau hidup mahupun masa sekarang. Hal ini dapat dilihat dari ramainya para sarjanawan dan sejarahwan yang telah melakukan kajian dan perbincangan mengenai beliau dan karya-karyanya.

Kemasyhuran beliau tidak sahaja dikeranakan beliau merupakan tokoh Ulama yang menjaga sanad, tetapi beliau telah mempelajari dan menguasai hampir semua bidang pengajian Islam. Sehingga kajian tentang beliau dan karya-karyanya amatlah menarik dan bermanfaat untuk dikaji.

Walaupun banyak para sarjanawan/ sejarahwan yang menulis dan mengulas tentang beliau, perbincangan mengenai ketokohan Sheikh Yāsīn al-Fādānī masih perlu dilakukan dan dibincangkan semula dalam disertasi ini sebagai penambahbaikan bagi kajian yang akan dibuat yakni tentang kitab karya beliau yang bertajuk *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah* yang merupakan salah sebuah karya beliau dalam bidang hadith.

Kajian tentang sesebuah kitab seorang tokoh Ulama yang telah berjaya menarik keprihatinan para sarjanawan dan sejarahwan tentu tidak mencukupi apabila tidak memperkenalkan penulis kitab tersebut. Maka itu pada bab kedua ini penulis akan memulakan kajian mengenai ketokohan Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Perbincangan pada bab ini pula bermaksud untuk memperkenalkan beliau dan latar belakangnya dari sudut kajian para sarjanawan dan sejarahwan terdahulu dan semasa.

## 2.2 Biodata Sheikh Yāsīn al-Fādānī

### 2.2.1 Nama dan Nasab Sheikh Yāsīn al-Fādānī

Nama penuh dan nasab Sheikh Yāsīn al-Fādānī adalah *al-‘Allāmah al-Faqīh al-Musnid Muḥammad Yāsīn bin Muḥammad ‘Īsā bin Ūdiq al-Fādānī al-Andūnīsī al-Makkī al-Shāfi’ī*.<sup>119</sup>

Setengah sarjanawan dan penulis terjemah Sheikh Yāsīn al-Fādānī seperti Bassām ‘Abd al-Wahhāb al-Jābī menyebutkan nama datuk beliau dengan أُودُق (Udid)<sup>120</sup> bukan Ūdīq. Manakala nama yang sebenar datuk beliau adalah أُودُق (Ūdiq) kerana nama ini ditulis terus oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī antaranya dalam mukaddimah kitab *al-Wāfi bi Dhayl Tadhkār al-Maṣāfi*<sup>121</sup> dan nama “Ūdiq” lebih biasa didengar dalam lisan orang Padang atau Sumatera malah Indonesia.<sup>122</sup>

Nama “al-Fādānī” pula merujuk kepada nama sebuah kota yang terdapat di Indonesia. al-Fādānī adalah nisbah kepada kata *Fādān* atau *Bādān* yang bererti nama sesebuah negeri atau kota yang secara geografis terletak di kawasan bahagian Barat Pulau Sumatera, Indonesia. Kota itu dikenali dengan nama Padang, ibukota daripada Sumatera Barat. Dari aspek ini dapat dikenalpasti bahawa beliau masih mempunyai

---

<sup>119</sup> Al-Shāfi’ī ialah nisbah kepada Imam Muhammad bin Idris al-Shāfi’ī, salah seorang Imam dari Imam madhhab yang empat. Dalam madhhab fekah, Sheikh Yāsīn al-Fādānī pula bermadhabkan Shāfi’iyyah, Lihat Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsūf, *Tatimmah al-‘Ālām li al-Zarkālī Wafayyāt 1396-1415H/ 1976-1995M* (1996; cet. ke-2, Beirut: Dār Ibn Hazm, 2002), 2:235 dan Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsūf, *Takmilah Mu’jam al-Mu’allifīn Wafayyāt (1397-1415 H/1977-1995M)* (Beirut: Dār Ibn Hazm, 1997), 563.

<sup>120</sup> Yāsīn, *Thabat al-Kazbarī*, 8.

<sup>121</sup> Muḥammad Yāsīn al-Fādānī, *al-Wāfi bi Dhayl Tadhkār al-Maṣāfi bi Ijāzah al-Fakhr ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Karīm al-Jurāfi wa al-Ṣafī Aḥmad bin Aḥmad* (Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2008), 3.

<sup>122</sup> Udiq atau dalam percakapan orang Indonesia “Udik”. Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) udik bererti sungai yang sebelah atas (arah dekat sumber); (daerah) di hulu. Ia juga bererti desa, kampung. Lihat Kamus Besar Bahasa Indonesia, “Udik”, laman sesawang *Kemdikbud*, dicapai 12 Februari 2015, <http://kbbi.web.id/udik>.

darah keturunan Nusantara sekalipun secara geopolitik tidak dilahirkan dan menetap di wilayah Nusantara.<sup>123</sup>

Terkait nasab beliau Sheikh Yāsīn al-Fādānī, ada satu isu yang kontroversi, iaitu penyandaran nasab beliau kepada *Ḥasanī*.<sup>124</sup> Kenyataan ini disebutkan oleh setengah sarjana Islam antaranya adalah *al-‘Allāmah al-Muḥaddith al-Sayyid ‘Abd al-‘Azīz al-Ghumārī* (m.1418H) dalam mukaddimah kitab *Tashnīf al-Asmā’* karya Sheikh Maḥmūd Sa’īd Mamdūh. Malah beliau pula (Sheikh Maḥmūd) mensahkannya dalam kitab beliau bertajuk *A’lām al-Qāṣī wa al-Dānī limā ‘Alā min Asānīd al-Fādānī*.<sup>125</sup> Demikian juga Sheikh Aḥmad Sardār al-Ḥalabī (m.1418H) dalam *al-Durar al-Jawāhir al-Ghawālī min ‘Ulūm al-Asānīd al-‘Awālī*.<sup>126</sup>

Tetapi kenyataan ini pula dibantah oleh Muḥammad bin ‘Abd Allāh Ālu Rashīd, murid kepada Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (m.1417H). Beliau mengatakan bahawa penyandaran kepada *Ḥasanī* tersebut adalah perkara yang mengada-ngada. Beliau pula telah melakukan konfirmasi kepada Maḥmūd Sa’īd Mamdūh sehingga beliau mengenalpasti yang penyandaran Sheikh Yāsīn al-Fādānī kepada seorang *Ḥasanī* adalah pandangan Sayyid Sālim Ibn Jindān. Maka setelah menjalankan penyelidikan maka

---

<sup>123</sup> Sebab yang dimaksud Ulama Nusantara disini tidak sahaja mereka yang duduk (menetap) di wilayah Nusantara secara geografis politis, tapi juga mencakupi ulama yang memiliki darah keturunan dari Nusantara meskipun terlahir dan tumbuh menetap di Jazirah Arab. Lihat Bibit Suprpto, *Ensiklopedia Ulama Nusantara*, xxxv.

<sup>124</sup> Istilah “al-Ḥasanī” merupakan sebuah nama yang dinisbatkan kepada al-Ḥasan bin ‘Alī bin Abū Ṭālib r.a., cucu Rasulullah s.a.w. pensifatan atau penyandaran ini diberikan kepada orang yang mempunyai darah keturunan beliau r.a.

<sup>125</sup> Maḥmūd Sa’īd Mamdūh telah menguatkan penyandaran ini dan menyebut Sheikh Muḥammad Yāsīn al-Fādānī dengan sebutan al-Sayyid, al-Sheikh *‘Alam al-Dīn* Abū al-Fayḍ Muḥammad Yāsīn bin ‘Īsā al-Fadānī al-Makkī al-Ḥasanī al-‘Alawī. Lihat Najm Māsī, “Taḥqīq Nasab al-‘Allāmah Musnid al-Dunyā Muḥammad Yāsīn al-Fādānī”, laman sesawang *Ghārabīl*, dicapai 14 April 2013, <http://vb.g111g.com/showthread.php?t=703521>.

<sup>126</sup> Muḥammad bin ‘Abd Allāh Ālu Rashīd, “Al-Shaykh al-Fādānī Laysa Ḥasanī al-Nasab”, laman sesawang *Rawḍ al-Raḥāyīn*, dicapai 15 Disember 2012, <http://cb.rayaheen.net/showthread.php?tid=24487>.

diperolehi maklumat bahawa Sayyid Sālim Ibn Jindān tidak boleh dijadikan hujjah dalam masalah nasab dan sanad, sebab beliau bukan orang yang *thiqah* tentang itu.<sup>127</sup>

Soalan itu pula pernah dipertanyakan kepada Muḥammad bin ‘Abd Allāh Ālu Rashīd kepada segolongan tokoh Ulama Makkah al-Mukarramah antaranya gurunya sendiri, Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (m.1417H) lalu diberitahukan bahawa Sheikh Yāsīn al-Fādānī seorang yang berasal daripada Padang, Indonesia, dan penisbahan (*Ḥasani al-Nasab*) tersebut tidak sah.<sup>128</sup>

Fakta lain yang membuktikan tentang kelemahan penyandaran ini adalah bahawa Sheikh Yāsīn al-Fādānī sendiri tidak pernah mendakwa dirinya dengan nasab tersebut, malah dalam berapa literatur disebutkan oleh beliau sendiri menasabkan dirinya kepada al-Fādānī dan tidak pernah ditemukan satupun literatur yang secara eksplisit daripada perkataan beliau yang menyandarkan dirinya kepada al-Ḥasani. Misal pada kitab *al-Asānid al-Makkīyah*, beliau memperkenalkan diri dengan nama “Muḥammad Yāsīn bin Muḥammad ‘Īsā al-Fādānī”.<sup>129</sup>

## 2.2.2 Penjenamaan dan Gelaran

Orang Arab biasa dengan penjenamaan bahkan kebanyakannya menggunakannya daripada nama, malah seseorang boleh mempunyai sama ada satu penjemanaan sahaja mahupun lebih dari satu malah lebih. Dan penjenamaan itu pula biasanya berkumpul secara bersamaan.<sup>130</sup>

---

<sup>127</sup> *Ibid.*

<sup>128</sup> Muḥammad bin ‘Abd Allāh Ālu Rashīd, *Imdād al-Fattāḥ bi Asānid wa Marwiyāt li al-Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ* (Riyadh: Maktabah al-Imām al-Shāfi’i, 1999), 248.

<sup>129</sup> Lihat Muḥammad Yāsīn al-Fādānī, *al-Asānid al-Makkīyah li Kutub al-Ḥadīth wa al-Siyar wa al-Shamā’il al-Muḥammadiyyah* (Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 1989), 3 dan Muḥammad Yāsīn al-Fādānī, *al-Arba’ūn Ḥadīthan: min Arba’in Kitāban ‘an Arba’in Shaykhan* (1983; cet. ke-2, Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 1987), 3 dan Yāsīn, *al-Arba’ūn al-Buldāniyyah*, 3 dan dan Muḥammad Yāsīn al-Fādānī, *Fayḍ al-Mubdī bi Ijāzah al-Shaykh Muḥammad ‘Awḍ Munqish al-Zabīdī* (Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2008), 5.

<sup>130</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, ‘Abd al-Qādir Shaybah al-Ḥamd, ed., *Fath al-Bārī: bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’il al-Bukhārī*, (Riyadh: t.p., 2001), 6:647.

Sheikh Yāsīn al-Fādānī mempunyai dua buah kunyah atau penjenamaan iaitu Abū Muḥammad<sup>131</sup> dan Abū al-Fayḍ.<sup>132</sup> Dan gelaran beliau ialah ‘*Alam al-Dīn*’ atau ‘Alā’u al-Dīn<sup>133</sup> yang bererti tokoh agama. Gelaran ini senatiasa disandingkan dengan nama beliau sebagaimana yang banyak terdapat dalam pelbagai literatur yang membahas biografi beliau.

Gelaran yang lain yang diberikan kepada beliau adalah *Musnid al-Waqt, al-‘Ālim, al-Muḥaddith, al-Murabbī*,<sup>134</sup> dan yang paling terkenal adalah gelaran *Musnid al-Dunyā*<sup>135</sup> atau *Musnid al-‘Aṣr*.

---

<sup>131</sup> Penjenamaan kepada nama Muhammad adalah kerana ia merupakan putera sulung Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Nama sebenarnya adalah Muḥammad Nūr ‘Arafah bin Muḥammad Yāsīn bin Muḥammad ‘Īsā al-Fādānī al-Makkī, dilahirkan pada tahun 1370H bersamaan dengan 1951M di Makkah. Dikatakan juga nama anak beliau yang lain adalah Fahd, Riḍā dan Nizār. Manakala tidak ada yang bernama al-Fayḍ sehingga penjenamaan dengan Abū al-Fayḍ ini tidak dapat dikesan. Lihat Jannatul Husna, “Shaykh Yāsīn al-Fādānī”, 61.

<sup>132</sup> Penjenamaan dengan Abū al-Fayḍ sangat masyhur kepada beliau dan tersebar dalam pelbagai literatur yang menyebut dan membincangkan beliau. Maka itu hikmah penjenamaan ini boleh menunjukkan kepada keistimewaan beliau, sebab penjenamaan (kunyah) tidak mesti disandarkan kepada nama anak sahaja, tapi boleh juga disandarkan kepada nama yang lain atau mempunyai kedua kunyah sama ada disandarkan kepada nama anak mahupun kepada sesuatu yang lain. Imam Abū Dāwud dalam *Sunan Abī Dāwud* meletakkan satu bab yang bertajuk *fī Rajul Yatakanna wa Laysa lahu Walad* bermakna bab tentang seseorang yang mempunyai kunyah manakala ia tidak mempunyai anak, yakni tentang kunyah yang diberikan Rasulullah s.a.w. kepada adik Anas bin Mālik r.a. dengan nama Abū ‘Umair. Lihat Abū Dāwud Sulaymān bin al-Ash’ath al-Sijistānī, Abū Ṭāhir Zubayr ‘Alī Za’y, ed., *Sunan Abī Dāwud* (Riyadh: Dār al-Salām, 2009), 981 (Kitab al-Adab, Bab *fī Rajul Yatakanna wa Laysa lahu Walad*, no. Hadith 4969). Contoh lainnya adalah penjenamaan yang dimiliki oleh ‘Alī bin Abū Ṭālib r.a. iaitu Abū al-Ḥasan dan Abū al-Turāb. Abū al-Ḥasan r.a. adalah nisbah kepada putera sulung al-Ḥasan bin Alī bin Abū Ṭālib r.a., manakala al-Turāb adalah debu/ tanah. Penjenamaan dengan Abū Turāb dikeranakan pernah suatu hari beliau keluar dari rumah disebabkan sedang marah kepada isteri beliau, Fāṭimah r.a. kemudian beliau berbaring/ bersandar pada sebuah dinding (tiang) di dalam masjid sehingga punggung beliau r.a. dipenuhi dengan debu/ tanah, dan Nabi s.a.w. pun mengusap debu tersebut kemudian berkata: “Duduklah engkau wahai Abū Turāb!”. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1006 (Kitab al-Adab, Bab al-Taknīy bi Abī Turāb wa In Kānat Ukhrā, no. Hadith 6204). Demikian pula Umar bin al-Khaṭṭāb r.a. juga mempunyai kunyah dengan nama Abū al-Ḥafṣ padahal tidak ada putera beliau yang bernama Ḥafṣ. Dan banyak lagi contoh lainnya memaklumkan yang penjenamaan dengan nama selain anak boleh dibenar dan lazim.

<sup>133</sup> ‘Alawī, *Fayḍ al-Khabīr*, 3.

<sup>134</sup> Ramaḍān, *Takmilah Mu’jam*, 563 dan Ramaḍān, *Tatimmah al-A’lām*, 2:235.

<sup>135</sup> Ibrāhīm bin Muḥammad bin Aḥmad al-Bayjūrī, Alī Jum’ah bin Muḥammad al-Shāfi’ī, ed., *Ḥāshiyah al-Imām al-Bayjūrī ‘alā Jawharah al-Tawḥīd* (Kaherah: Dār al-Salām, 2002), 8.

### 2.2.3 Tarikh Lahir dan Kewaafatan

Para pengkaji dan penulis biografi Sheikh Yāsīn al-Fādānī sepakat dengan tempat kelahiran beliau yakni di Makkah al-Mukarramah, dikatakan bahawa beliau dilahirkan di kampung Masfalah,<sup>136</sup> tetapi terdapat pendapat yang berbeza dalam menentukan tarikh kelahiran beliau.

Setengah pendapat bahawa beliau dilahirkan pada tahun 1337 Hijri. Ini merupakan pendapat Sayyid Aḥmad Sayyid Aḥmad Yūsuf dalam mukaddimahya terhadap kitab *Fayḍ al-Khabīr wa Khulāṣah al-Taqrīr* karya Sayyid ‘Alawī bin al-Sayyid ‘Abbās al-Mālikī. Malah beliau menyebutkan tarikh kelahiran Sheikh Yāsīn al-Fādānī secara lebih detail, iaitu pada hari Selasa, 27 Sya’ban 1337H.<sup>137</sup>

Sementara pendapat lain menyebutkan yang beliau lahir pada 1335 Hijri bersamaan dengan tahun 1916 Masihi adalah pendapat majoriti para penulis dan pengkaji biografi dan kitab-kitab beliau, di antaranya ialah:

1. Zamrī Sa’d al-Dīn Dimashqīyyah dalam mukaddimah kitab *Fawā’id al-Janiyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī<sup>138</sup>
2. Bassām ‘Abd al-Wahhāb al-Jābī dalam mukaddimah kitab *Thabat al-Kazbarī* karya Sheikh Yasin al-Fadani<sup>139</sup>
3. Dr. Nizār Abāzah dan Muḥammad Riyāḍ al-Māliḥ dalam *Itmām A’lām: Zayl li Kitāb al-A’lām li Khayr al-Dīn al-Zarkalī*.<sup>140</sup>
4. Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf dalam kitab beliau bertajuk *Takmilah Mu’jam al-Mu’allifīn Tatimmah*<sup>141</sup> dan *al-A’lām li al-Zarkalī*.<sup>142</sup>

---

<sup>136</sup> Khafiz, “Sheikh Muḥammad”, 129 dan Jannatul, “Shaykh Yāsīn”, 62.

<sup>137</sup> ‘Alawī, *Fayḍ al-Khabīr*, ٥.

<sup>138</sup> Yāsīn, *al-Fawā’id al-Janiyyah*, 1:37.

<sup>139</sup> Yāsīn, *Thabat al-Kazbarī*, 9.

<sup>140</sup> Nizār Abāzah dan Muḥammad Riyadh al-Māliḥ, *Itmām A’lām: Zayl li Kitāb al-A’lām li Khayr al-Dīn al-Zarkalī* (Beirut: Dār Ṣāḍir, 1999), 275.

### 5. Muḥammad bin ‘Abd Allāh Ālu Rashīd dalam *Imdād al-Fattāh*.<sup>143</sup>

Selain mereka pendapat ini juga diikuti oleh kebanyakan sarjana dan pengkaji seperti Mohd. Khafiz bin Sorani dan Mohd. Nurzi bin Nasir.<sup>144</sup> Tapi pendapat lain lebih bersetuju kepada tarikh yang disebutkan oleh Sayyid ‘Alawī bin al-Sayyid ‘Abbās al-Mālikī iaitu tahun 1337H.<sup>145</sup>

Adapun mengenai tarikh wafat beliau ialah 1410 Hijri, yakni pada waktu sahur malam Jumaat, 28 Zul Hijjah 1410 Hijri bersamaan dengan 21 Julai 1990 Masihi. Kemudian ditanam di tanah perkuburan al-Ma’lādi Makkah al-Mukarramah.<sup>146</sup>

### 2.3 Ketokohan Sheikh Yāsīn al-Fādānī sebagai *Muḥaddith*

Ketokohan Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam pengajian sanad sudah tidak disangsikan lagi, telah ramai para ulama yang memberikan kesaksian atas itu, antaranya:

1. Sheikh Sayyid ‘Abd Allāh bin al-Ṣiddīq al-Ghumārī (m.1413H), seorang ahli Hadith asal Maghrib. Beliau memberikan kenyataan berikut:

كنا نعد شيخنا السيد رافع الطهطاوي مسند العصر. أما الآن فالشيخ ياسين الفاداني

هو مسند العصر بلا جدل<sup>147</sup>

Maksudnya: “Dahulu kita mengiktiraf Sheikh Sayyid Rafi’ al-Ṭaḥṭāwī sebagai *musnid al-‘aṣr*, manakala sekarang kita pula bersepakat (mengiktiraf) Sheikh Yāsīn al-Fādānī sebagai *musnid al-‘aṣr*.”

---

<sup>141</sup> Ramaḍān Yūsuf, *Takmilah Mu’jam*, 563.

<sup>142</sup> Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf, *Tatimmah al-A’lām*, 235.

<sup>143</sup> Rashīd, *Imdād al-Fattāh*, 248.

<sup>144</sup> Khafiz, “Sheikh Muḥammad”, 129.

<sup>145</sup> Kenyataan ini disebutkan Jannatul Husna dalam disertasinya yang bertajuk: “Shaykh Yāsīn al-Fādānī (m.1990) dan Sumbangannya dalam Pengajian Hadith” dengan pertimbangan penyebutan tarikh pada pendapat ini lebih lengkap dan menyeluruh. Lihat Jannatul Husna, “Shaykh Yāsīn”, 63.

<sup>146</sup> Bibit, *Ensiklopedia Ulama*, 814.

<sup>147</sup> Saīd Mamdūḥ, *Tasnīf al-Asmā’*, 9. Lihat juga Jannatul Husna, “Shaykh Yāsīn”, 103.

2. Sheikh ‘Abd al-Azīz al-Ṣiddīqal-Ghumārī(m.1418H), seorang tokoh graduan Universiti al-Azhar. Beliau berkata mengenai ketokohan Sheikh Yāsīn al-Fādānī:

فمسند العصر الفاداني مجدد هذا القرن في علم الرواية ليحفظ الله تعالى به رسوم هذا

العلم من الضياع ويبقى شعاعة يضيئ للراغبين الطريق...<sup>148</sup>

Maksudnya: “Al-Fādānī, seorang *musnid al-‘aṣr*, *mujaddid* (pembaharu) pada kurun ini dalam ilmu riwayat supaya Allah menjaga dengannya ilmu ini dari keluputan, dan sinarnya sentiasa tersebar kepada para peminat jalan ini ...”

Dan kenyataan yang diberikan puyla oleh para Ulama dan sarjana Islam yang lain seperti Sheikh Nūr al-Dīn al-Banjārī, Dr. Yūsuf al-Mar’ashlī, Prof. Dr. Said Agil al-Munawar dan lainnya. Kesemuanya menunjukkan yang Sheikh Yāsīn al-Fādānī sebagai tokoh pemelihara sanad ilmu dan Hadīth yang telah diiktiraf.

Memandangkan itu pula ramai para sarjana dan pengkaji yang telah melakukan kajian dan perbincangan mengenai Sheikh Yāsīn al-Fādānī, lebih lagi memperbincangkan tentang ketokohan dan pemikiran beliau.

Kajian tentang pemikiran Sheikh Yāsīn al-Fādānī sentiasa dilakukan, misal Lakpesdam Mesir yang telah menggelar “Kongkow Ramadan Lakpesdam Mesir” bagi mendedahkan pemikiran Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Pembicaranya adalah M. Nora Burhanuddin, ahli kajian Lakpesdam Mesir sekali gus Koord. Ghazalian Center, dan Ronny G. Brahmantyo, seorang aktivis Lakepesdam dan Mizan Study Club.

Kesimpulan kajian tersebut adalah bahawa Sheikh Yāsīn al-Fādānī adalah seorang alim berkaliber dunia yang mempunyai kontribusi atau sumbangan melimpah bagi keilmuan Islam, khasnya dalam usaha melestarikan tradisi pakar Hadīth dalam mendapatkan sanad ‘alī (sanad tertinggi), sehingga beliau digelar sebagai “*musnid al-*

---

<sup>148</sup> *Ibid.*



*dunyā*”. Beliau pula telah pun berjaya menjadi muara kepada sanad Hadith dan disiplin ilmu lainnya pada masa itu. Malah Sheikh Yāsīn al-Fādānī dikira patut memperoleh gelar *musnid al-dunyā ‘alā al-ītlāq* (pakar sanad sedunia yang tidak dapat ditandingi).<sup>149</sup>

Sebagai tokoh yang mempunyai sanad ilmu lebih lagi ilmu Hadith, tidak satu pun para pengkaji dan peneliti beliau sangsi akan itu. Kontroversi muncul apabila mereka memberi gelar mendudukkan Sheikh Yāsīn al-Fādānī sebagai tokoh ahli Hadith.

Pada aspek ini, salah seorang pembicara memberikan kenyataan bahawa setengah kawan kepada Sheikh Yāsīn al-Fādānī mengatakan yang beliau hanya seorang musnid, bukan ahli Hadith.

Tetapi pendapat ini dicanggah dengan asumsi bahawa istilah “musnid” telah mengalami perkembangan makna. Kenyataan ini disampaikan oleh M. Nora Burhanuddin saat tampil sebagai pembicara dalam acara yang ditaja oleh Lakpesdam Mesir ini.

M. Nora Burhanuddin dalam penyajiannya berusaha mencanggah pandangan yang Sheikh Yāsīn al-Fādānī bukan sorang muhaddith. Ia pula mencuba melakukan pembuktian dengan beberapa term yang biasa diguna pakai dalam dunia hadith. Misal syarat menjadi sorang *muhaddīth* menurut al-Subkī (m.771H) adalah mesti menelaah seribu juzuk kitab Hadith, mendengarnya terus daripada para *muhaddīth*, mempunyai nota-nota hadith yang ia dengar, dan selalu ia koreksi notatersebut, dan masih banyak lagi. Maka dalam konteks sekarang, dinilai susah menjumpai pakar hadith seperti ini. Sehingga gelar ahli hadith zaman sekarang lebih cenderung sebagai *tabarruk*.<sup>150</sup>

---

<sup>149</sup> Syaifullah Amin, “Lakpedam Mesir Bedah Pemikiran Yasin al-Fādānī”, laman sesawang *NU Online*, dicapai 24 Ogos 2011, <http://www.nu.or.id/a,public-m,dinamic-s,detail-ids,1-id,33630-lang,id-c,warta-t,Lakpesdam+Mesir+Bedah+Pemikiran+Yasin+al+Fadani-.phpx>.

<sup>150</sup> *Ibid.*

Pembicara memberikan *tauthiq* bahawa Sheikh Yāsīn al-Fādānī boleh masuk ke dalam kategori ini. Pasalnya beliau pernah mendengar terus daripada Sheikh Aḥmad bin Muḥamad al-Ṣiddīq al-Ghummārī yang sampai pada derajat *al-Ḥāfiẓ*.<sup>151</sup>

Di antara bukti atas kepakaran Sheikh Yāsīn al-Fādānī sebagai seorang *muhaddith* adalah syarah beliau ke atas kitab *Sunan Abī Dāwud* yang sebanyak 20 jilid. Kerana dalam mengomentari kitab *Sunan Abī Dāwud* mesti memerlukan kepakaran tertentu dalam banyak bidang ilmu.<sup>152</sup> Tetapi amat dikesalkan kitab ini tidak pernah diterbitkan sehingga sekarang.

Manakala Rony G. Brahmantyo memperkuat kenyataan yang disampaikan oleh M. Nora Burhanuddin terkait gelar “musnid”<sup>153</sup> yang diperolehi Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Justeru beliau mendapatkan gelar tersebut kerana kepakarannya dalam bidang itu.

Jannatul Husna dalam disertasinya tampak pula menetapkan kelayakan Sheikh Yāsīn al-Fādānī sebagai seorang *muhaddith* kontemporari. Penilaian ini didasarkan kepada defenisi *muhaddith* menurut Abū al-Layth al-Khayr Abādī iaitu:

من له اشتغال مخلص وافر بالحديث و علومه قراءة ودراسة وبحثا و تمحيصا و عنده علم  
بالأحاديث و طرقها ورواتها جرحا و تعديلا و بالمصنفات في الحديث و رجاله و شروح  
الحديث , و بصيرة بالتعامل مع الأحاديث في ضوء أحوالها و ظروفها و أسبابها و عللها  
لا سيما مختلف الحديث و مشكله<sup>154</sup>

Bermaksud: “(Ahli Hadith) adalah orang yang banyak menyibukkan diri dan ikhlas dengan Hadith dan ilmunya, membaca, mempelajari, mengkaji dan mempunyai pengetahuan terhadap Hadith-hadith dan jalur-

---

<sup>151</sup> *Ibid.*

<sup>152</sup> *Ibid.*

<sup>153</sup> Ronny G. Brahmantyo dalam penyajiannya mengatakan bahawa gelar *musnid al-dunyā* tak didapat hanya kerana banyaknya guru, yang kabarnya sampai 700 itu. Tapi lebih pada kepakarannya dalam bidang yang ia geluti. Selengkapnya baca *Ibid.*

<sup>154</sup> Muḥammad Abū al-Layth Ābādī , ‘*Ulūm al-Ḥadīth Aṣiluhāwa Ma’āsiruhā* (cet. ke-6, Bangi: Dar al-Shakir, 2009), 30. Lihat juga Jannatul Husna, “Shaykh Yāsīn”, 158.

jalur serta mengetahui (keadaan) para perawinya dari aspek jarh dan ta'dil, mengetahui pula karya-karya mengenai Hadith dan para perawinya, karya-karya syarah Hadith, dan mempunyai *baṣīrah* (kearifan) dengan muamalah (interaksi) bersama hadith-hadith, terang (baginya) keadaan Hadith-hadith itu, sebab *wurudnya* hadith (*asbāb al-wurūd*), *ilal* (kecacatannya), lebih lagi tentang *mukhlatif al-ḥadīth* dan *mushkil al-ḥadīth*.

Memandangkan hal ini maka dikenali bahawa Sheikh Yāsīn al-Fādānī telah memenuhi kriteria yang disebutkan. Beliau tidak sahaja mempunyai pengetahuan terhadap kitab-kitab yang dimaksud yang dapat dibuktikan melalui karya-karyanya, tetapi juga telah banyak mengkhidmatkan dirinya dalam mengkaji dan menulis Hadith-hadith Nabi s.a.w. menelusuri sanad-sanadnya dan meriwayatkannya secara musnad sehingga kepada Rasulullah s.a.w. melalui para perawi Hadith yang telah meriwayatkan Hadith-hadith didalam kitab-kitab mereka, seperti *al-Kutub al-Tis'ah*, dan kitab-kitab lainnya seperti kitab-kitab *Sunan*, *Masānid*, *Muṣannaḥ*, *Ma'ājim*, *Sihāh* dan selainnya.

Maka itu pemahaman Sheikh Yāsīn al-Fādānī di bidang Hadith dan kepakaran beliau dapat dikenali dari terhadap istilah-istilah yang diguna pakai dalam tradisi pengajian Hadith sama ada *riwāyah al-Ḥadīth* mahupun *dirāyah al-Ḥadīth*.

#### **2.4 Sumbangan Sheikh Yasin dalam Pengajian Hadith**

Sheikh Yāsīn al-Fādānī merupakan seorang tokoh ilmuan hadith dari alam melayu yang berasal dari Padang, Indonesia. Tapi lahir serta membesar dan menghabiskan keseluruhan hidupnya di kawasan Arab.

Beliau cukup dikenali pada zamannya sebagai Ulama Hadith di negeri Haramain terutama Makkah al-Mukarramah pada sekitar kurun ke 20 Masihi (kurun ke 14-15 Hijri).<sup>155</sup> dan dikenali sebagai *Musnid al-Dunyā* atau *Musnid al- 'Aṣr*,<sup>156</sup> iaitu pemegang

---

<sup>155</sup> *Ibid.*, 810.

sanad hadith tertinggi dan penyimpan hampir keseluruhan sanad-sanad keilmuan yang diwarisi oleh generasi zamannya.

Ini merupakan keistimewaan yang dimiliki oleh Sheikh Yāsīn al-Fadānī dimana beliau senantiasa menjaga dan memelihara sanad sebagaimana tradisi para Ulama Salaf yang mana telah banyak ditinggalkan pada era kini. Sangat menumpukan keprihatinannya terhadap ilmu ini.

Juhud dan kegigihannya bertalaqqi dalam menimba ilmu dan mengimpunkan sanad-sanad periwayatan daripada para Ulama di zaman beliau sangat patut diapresiasi. Terlebih lagi tinggalnya beliau di Tanah Suci Makkah memudahkan beliau bertemu dengan ramai Ulama Islam, sama ada dari Tanah Suci sendiri mahupun dari pelbagai pelusuk dunia yang datang ke Tanah Suci, seperti Syiria, Lubnan, Pelestin, Yaman, Mesir, Maghribi, Iraq, Pakistan, Rusia, India, Indonesia dan Malaysia.

Beliau adalah profil Ulama kurun ke-20 yang mempunyai komitmen terhadap tradisi yang pernah ada pada kurun-kurun sebelumnya, yakni menyampaikan sesuatu ilmu dengan sanadnya sekali. Selain itu beliau juga mengembangkannya dengan metode yang dibangunnya walaupun beliau sendiri merupakan produk daripada guru-gurunya dan lingkungannya.<sup>157</sup>

Maknanya setiap karya dan metode yang beliau buat atau aplikasi tidak lepas dari kesan dan contoh yang ada sebelumnya daripada guru-guru dan lingkungan beliau. Sehingga karya-karya yang dihasilkannya mengikuti tradisi salaf dan bukan perkara baru yang tidak ada contoh sebelumnya.

Manakala kontribusi (sumbangan) beliau dalam pengajian hadith boleh dibilang mempunyai kedudukan dalam pandangan tokoh hadith di zamannya dan zaman

---

<sup>156</sup> Lihat Khafiz, "Sheikh Muḥammad", 129.

<sup>157</sup> Maknanya setiap karya dan metode yang beliau buat atau aplikasi tidak lepas dari kesan dan contoh yang ada sebelumnya daripada guru-guru dan lingkungan beliau. Sehingga karya-karya yang dihasilkannya mengikuti tradisi salaf dan bukan perkara baru yang tidak ada contoh sebelumnya.

sesudahnya, sehingga ramai para penuntut ilmu dan pencari sanad datang kepada beliau untuk mendapatkan sanad. Maka itu tidaklah menghairankan apabila beliau menjadi pusat dalam sanad periwayatan ilmu dan hadith.

Apapun karya-karya beliau dalam bidang hadith secara ringkas dapat dibahagikan kepada 2 bahagian, iaitu ilmu riwayat dan ilmu dirayah.

Dalam ilmu hadith riwayat, Sheikh Yāsīn al-Fādānī telah menghasilkan sekitar 70 buah karya. Antaranya adalah:

1. *Kitab Ittihāf al-Bararah bi Asānīd al-Kutub al-Ḥadīthiyyah al-‘Asharah.*
2. *Kitab Asānīd al-Kutub al-Ḥadīthiyyah al-Sab’ah.*
3. *Kitab al-Asānīd al-Makkiyyah li Kutub al-Ḥadīth wa al-Siyar wa al-Shamā’il al-Muḥammadiyyah.*
4. *Kitab al-Bughyah al-Murīd fī ‘Ulūm al-Asānīd (4 juzuk besar).*
5. *Kitab Tanwīr al-Baṣīrah bi Turuq al-Isnād al-Shahīrah.*
6. *Kitab al-Durr al-Farīd min Durar al-Asānīd.*
7. *Kitab al-‘Iqd al-Farīd min Jawāhir al-Asānīd.*
8. *Kitab al-Kawākib al-Sayyārah fī al-Asānīd al-Mukhtārah.*
9. *Kitab Nihāyah al-Maṭlab ‘alā al-‘Arab fī ‘Ulūm al-Asānīd wa al-Adab,*<sup>158</sup>
10. *Kitab al-Arba’ūn al-Buldāniyyah.*
11. *Kitab al-Arba’ūn Ḥadīthan.*

Dan banyak lagi karya-karya beliau dalam pengajian sanad ini yang jumlahnya mencapai 70 buah karya. Manakala dalam ilmu Hadith Dirayah pula, beliau telah mengerjakan beberapa buah kitab yang sebahagiannya agak besar dan berjilid-jilid.

Antara karya beliau dalam bidang ini yang bersaiz besar dan berjilid-jilid antaranya:<sup>159</sup>

---

<sup>158</sup> Khafiz, “Sheikh Muḥammad”, 138.

<sup>159</sup> *Ibid.*, 135.

1. Kitab *al-Durr al-Mandūd Sharḥ Sunan Abī Dawūd*.
2. kitab *Fath al-‘Allām Sharḥ Bulūgh al-Marām min Adillah al-Aḥkām li Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī* (3 Juzuk).
3. Kitab *Sharḥ al-Jawhar al-Thamīn fī Arba ‘īn Ḥadīthan min Aḥādīth Sayd al-Mursalīn li al-‘Ajlūnī*.
4. Kitab *Sharḥ al-Musalsal bi al-‘Itrah al-Ṭāhirah*.<sup>160</sup>
5. Karya *al-Arba ‘īnāt* beliau dapat dikategorikan ke dalam klasifikasi pengajian dirayah ini sebab di samping beliau meriwayatkan hadith beserta sanadnya sekali sebanyak empat puluh buah hadith, dibeberapa tempat telah memberikan penjelasan dan syarahan ringan terhadapnya.

### **2.5 Sumbangan Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam *al-Arba ‘īnāt***

Telah dimaklumkan sebelumnya dan dipelbagai tulisan dan karya ilmiah tentang karya-karya yang banyak dihasilkan oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Karya-karya tersebut tidak hanya dalam satu bidang keilmuan Islam sahaja, melainkan hampir seluruh aspek keislaman Sheikh Yāsīn al-Fādānī mempunyai karya dibidangnya.

Di sini tidak lagi memperbincangkan dan mengulas karya-karya tersebut, kerana pembahasan tentang itu telah ramai yang mencatat dan menuliskannya serta mudah dijumpai. Pada bahagian ini tumpuan kajian lebih kepada karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam penulisan dan sumbangan beliau dalam pengkaryaan *al-arba ‘īnāt*.

Sheikh Yāsīn al-Fādānī berkata dalam kitab beliau bertajuk *al-Arba ‘ūn Ḥadīthan* bahawa majoriti para Imam dan Ulama hadith telah mengumpulkan hadith dalam sebuah kitab dan Imam Abd Allāh bin al-Mubāarak (m.181H) adalah yang mula-mula melakukannya. Lalu Ibn ‘Asākir telah mengkoleksi pula beberapa karya *al-*

---

<sup>160</sup> *Ibid.*

*arba'ināt*, dan yang paling banyak adalah Ismā'il bin 'Abd al-Ghāfir al-Fāsi sehingga mencapai 70 buah.<sup>161</sup>

Beliau berkeinginan untuk menapaki jejak para Imam dan Ulama terdahulu sebagai panutan dalam menimba ilmu hadith dengan mengumpulkan empat puluh hadith. Sebab sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum maka ia termasuk bahagian daripada kaum tersebut.<sup>162</sup>

Maka itu beliau pun telah berusaha untuk mewujudkan keinginannya dalam mengikuti athar para Imam dan Ulama terdahulu dalam mengkoleksi sebanyak empat puluh hadith Nabi s.a.w. Sheikh Yāsīn al-Fādānī mengatakan bahawa beliau telah menyelesaikan beberapa karya *al-arba'ināt*, iaitu:

### **1. Kitab *al-Arba'un Ḥadīthan***

Nama kitab ini adalah kitab *al-Arba'un Ḥadīthan 'an Arba'in Shaykhan 'an Arba'in Kitāban*. Sheikh Yāsīn al-Fādānī telah menyelesaikan penulisannya pada tahun 1363 Hijri. Kemudian kitab ini diterbitkan oleh Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah dan dinamai dengan kitab *al-Arba'un Ḥadīthan min Arba'in Kitāban 'an Arba'in Shaykhan*.

Kitab ini memuat sebanyak empat puluh hadith yang beliau perolehi daripada empat puluh orang guru beliau dari empat puluh sumber kitab yang berbeza. Di antara kekuatan kitab ini adalah hadith-hadith yang dikumpulkan daripada empat puluh sumber dari pelbagai kitab hadith sama ada yang masyhur mahupun yang tidak dikenal.

Manakala empat puluh hadith yang terdapat dalam kitab ini berasal dari kitab-kitab seperti:

- a. *Al-Kutub al-Sittah*, yakni *Ṣaḥīḥ al-Bukharī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwud*, *Sunan al-Tirmidhī* atau *Jāmi' al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibn Mājah*.

---

<sup>161</sup> Muḥammad Yāsīn bin 'Isā al-Fādānī, *al-Arba'un Ḥadīthan min Arba'in Kitāban 'an Arba'in Shaykhan* (1983; cet. ke-2, Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1987), 3.

<sup>162</sup> *Ibid.*

- b. Kitab *Muwaṭṭaʿ* Imam Mālik, riwayat daripada Yahya bin Yahyā al-Laythī dan riwayat Muḥammad bin al-Ḥasan.
- c. Kitab *Athār* karya Muḥammad bin al-Ḥasan, murid kepada Imam Mālik.
- d. Kitab Imam al-Shafīʿī yakni kitab *Sunan* dan juga kitab *Musnad al-Shāfiʿī* daripada riwayat al-Rābiʿ.
- e. Kitab *Masānid* seperti kitab *Musnad Imam Aḥmad bin Ḥanbal*, *Musnad al-Ṭayālīsī*, *Musnad Abī Nuʿaim bin ʿAdī al-Jurjānī*, *Musnad al-Bazzār*, *Musnad al-Ḥumaydī*, *Musnad ʿAbd bin Ḥumayd*, *Musnad Ishāq bin Rāhawayh*, *Musnad Abī Yaʿlā*, *Musnad Abī Bakr bin Abī Shaybah*, *Musnad Abī Zakariyya al-Ḥimmānī*, *Musnad al-Baghawī*, *Musnad al-Hannād*, *Musnad al-Muṭayyan*.
- f. Kitab *al-Mustadrak ʿalā Ṣaḥīḥayn* karya Imam al-Ḥākim.
- g. Kitab *Ṣaḥīḥ Ibn ʿAwanah*.
- h. Kitab *al-Muṣannaf ʿAbd al-Razzāq*.
- i. Kitab-kitab *Sunan* seperti *Sunan al-Dārimī*, *Sunan al-Dāruquṭnī*, *Sunan al-Kubrā* karya Imam al-Bayhaqī, Kitab *al-Muntaqā* karya Ibn al-Jārūd, dan *Sunan Abū Muslim al-Kajī*.
- j. Kitab Muʿjam Imam al-Ṭabrānī yakni kitab *al-Muʿjam al-Saghīr* dan *al-Muʿjam al-Awsaṭ*.
- k. Kitab-kitab bertemakan aqidah atau usuluddin seperti *al-Asmaʿ wa al-Sifat* karya Imam al-Bayhaqī, dan kitab *al-Sunnah* karya Ibn Manẓūr al-Ṭabarī al-Lālikāī.
- l. Kitab *al-Adab al-Mufrad* karya Imam al-Bukhārī.
- m. Kitab *Mushkīl al-Athār* karya Abu Jaʿfar al-Ṭahāwī
- n. Kitab *Ḥilyah al-Awliyā* karya Abū Nuʿaym al-Aṣbahānī.
- o. Kitab *ʿAmal al-Yawm wa al-Laylah* karya Ibn Sunnī.

Keempatpuluh kitab di atas dari pelbagai macam kitab yang memuat hadith-hadith Nabi s.a.w. yang bersanad. Kitab ini memperlihatkan besarnya pengkhidmatan



Sheikh Yāsīn al-Fādānī serta luasnya pengetahuan beliau tentang referensi kitab-kitab hadith.

## **2. Kitab *al-Arba'ūn al-Buldaniyyah***

Kitab ini bertajuk *al-Arba'ūn Ḥadīthan 'an Arba'īn Shaykhan min Arba'īn al-Baladan*. Sheikh Yāsīn al-Fādānī berjaya menyelesaikan dan menyempurnakan kitab ini pada tahun yang sama dengan kitab *al-Arba'ūn Ḥadīthan* di atas. Kitab ini kemudian dikenal dengan tajuk *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah: Arba'ūn Ḥadīthan 'an Arba'īn Shaykhan min Arba'īn Baladan*. Maklumat tentang kitab ini akan didedahkan dan dihuraikan secara lebih menyeluruh dan khusus pada bab ketiga dan keempat.

Selain kedua kitab di atas, Sheikh Yāsīn al-Fādānī juga memiliki kitab lain yang merupakan syarahan bagi kitab *al-Arba'īn* seperti kitab *Sharḥ al-Jawhar al-Thamīn fī Arba'īn Ḥadīthan min Aḥādīth Sayyid al-Muraslīn* karya Sheikh Muḥammad bin 'Abd al-Hādī al-Ajlūnī (m.1162H).

Tapi penulis tidak kira ianya masuk ke dalam sumbangan Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam *al-arba'īnāt* berdasarkan kajian teoritik yang telah diulas pada bab pertama disertasi ini. Kerana menurut penulis kitab syarah sahaja kepada kitab *al-Arba'īnāt* bukan termasuk dalam karya *al-arba'īnāt*.

## 2.6 Kesimpulan

Sheikh Yāsīn al-Fādānī adalah tokoh Ulama Nusantara yang telah menarik minat para sarjanawan dan sejarawan untuk mengkaji ketokohan beliau. Beliau tidak sahaja pakar dalam bidang sanad, tetapi beliau juga menguasai pelbagai ilmu dengan menyertakan sanad sekali.

Tradisi menyampaikan ilmu dengan sanad telah beliau pertahankan dan jaga sehingga menambah baik dan sempurna semua karya yang telah beliau sumbangkan. Kepakaran beliau dalam bidang Hadith pula telah diperlihatkannya dalam kitab-kitab beliau seperti *al-Durr al-Mandūd Sharḥ Sunan Abī Dawūd*, *Fath al-‘Allām Sharḥ Bulūgh al-Marām*, *Sharḥ al-Jawhar al-Thamīn*, kitab-kitab *al-Arba’ināt* beliau, dan lainnya.

Sekalipun telah terjadi perbezaan tentang status beliau ditinjau dari aspek apakah beliau patut digelar dengan *muhaddith* atau hanya setakat sebagai seorang musnid, tapi kehebatan beliau dalam bidang Hadith sama ada riwayat mahupun dirayah tidak disangsikan lagi.

Sumbangan beliau dalam pengajian Hadith yang sabahagiannya merupakan kajian dalam bidang *riwāyah al-Ḥadīth* dan sebahagian yang lain pula dalam bidang *dirāyah al-Ḥadīth*.